

## **Persepsi Pelajar Terhadap Program Pemantapan Sahsiah Dan Tahap Pengetahuan Serta Amalan Asas Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin**

**Roshadah Abu Bakar\*, Suhaila Mustaffa, dan Solhal Huda Sahidan**

*Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Jabatan Pangajian Am, 02600, Arau, Perlis, Malaysia.*

### **ABSTRAK**

*Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap Program Pemantapan Sahsiah dan tahap pengetahuan serta amalan asas Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin selepas mengikuti Program Pemantapan Sahsiah. Maklumat kajian diperolehi melalui kaedah kuantitatif. Sampel soal selidik diedarkan kepada pelajar semester satu sesi Disember 2018. Seramai 168 orang pelajar terlibat dalam mengenalpasti persepsi pelajar terhadap Program Pemantapan Sahsiah dan tahap pengetahuan serta amalan asas Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin selepas mengikuti program. Data kajian yang dikumpul, diproses dengan menggunakan program windows SPSS versi 20.0. Secara keseluruhan, hasil analisis menunjukkan persepsi pelajar terhadap Program Pemantapan Sahsiah dari segi kesediaan minat adalah tinggi iaitu dengan nilai purata min 4.42 manakala dari segi kesediaan kaedah pelaksanaan program juga pada tahap yang tinggi iaitu 4.44. Selain itu tahap pengetahuan dan amalan asas Islam pelajar selepas mengikuti Program Pemantapan Sahsiah adalah pada tahap yang tinggi iaitu 4.50. Hasil kajian ini menunjukkan Program Pemantapan Sahsiah ini perlu diteruskan agar amalan asas Islam dalam kalangan pelajar sentiasa meningkat kepada yang lebih baik dan seterusnya politeknik mampu melahirkan pelajar yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga cemerlang dari segi sahsiahnya.*

### **PENGENALAN**

Realiti cabaran dunia masa kini umat Islam berdepan dengan isu keruntuhan sahsiah manusia terutama sekali golongan pelajar yang semakin hari semakin kurang pegangan agamanya. Isu sahsiah pelajar perlu dipandang serius dan perlu kepada bimbingan serta didikan agama yang secukupnya. Menurut N, A, Abdullah et al (2018) agama dan kehidupan dunia merupakan perkara asas kepada manusia. Sebagai seorang muslim agama tidak boleh dipisahkan dengan kehidupan dunia. Agama yang berteraskan asas akidah, ibadah dan akhlak adalah merupakan perkara utama dalam pembentukan sahsiah sebagai seorang muslim.

Selain itu, F, Che Husain (2018) individu yang dibesarkan dalam suasana menghayati ajaran agama yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah akan dapat membina sahsiah diri yang baik. Kehidupan beragama dapat membentuk nilai kehidupan yang terpuji dalam masyarakat selari dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk memperkembangkan potensi secara bersepadu bagi mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan

Sebagai pelajar Islam antara ikutan akhlak yang terbaik adalah daripada akhlak Rasulullah SAW. Berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran:

---

\*Koresponden: roshadah5058@gmail.com

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ۚ

“Dan bahawa sesungguhnya, engkau mempunyai akhlak yang mulia”. Surah al-Qalam 68:4 Ayat ini menunjukkan pengiktirafan daripada Allah SWT sendiri tentang akhlak Rasulullah SAW yang terpuji yang perlu dicontohi. Baginda diutuskan untuk menyempurnakan akhlak manusia berdasarkan sabda baginda SAW:

“Aku diutuskan oleh Allah hanyalah untuk menyempurnakan akhlak”.

(Hadis Riwayat Ahmad).

Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar terhadap Program Pematapan Sahsiah dan tahap pengetahuan serta amalan asas Islam dalam kalangan pelajar semester satu Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin sebagai satu usaha mengatasi masalah sahsiah pelajar.

## Latar Belakang

Isu berkaitan sahsiah sering menjadi perhatian masyarakat lebih lagi apabila ianya berlaku dalam kalangan pelajar yang mengundang kepada peningkatan masalah sosial yang serius dalam masyarakat. Menurut S. Ahmad Sabri et al (2016) kebelakangan ini kita sering mendengar isu-isu berkaitan dengan salah laku pelajar-pelajar dalam media massa. Pelbagai cadangan dan andaian yang dikemukakan dalam usaha menangani permasalahan ini. Pada ketika inilah krisis identiti remaja sering berlaku dalam proses pembentukan peribadi diri.

Menurut mantan Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail dalam ucap tama sempena seminar Stop (Sekeluarga Tolak Pornografi) 22 Julai 2018 berkata, berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara masalah anak tidak sah taraf yang dilahirkan ibu berusia 18 tahun kebawah 2017 sebanyak 4992 kes dan 120 kes pembuangan bayi manakala sehingga Jun 2018 adalah sebanyak 1,664 kes. Angka ini menunjukkan bahawa peranan keluarga perlu diperkukuhkan agar mampu mengawal dan membendung ahli keluarga sendiri supaya tidak terjerumus dalam gejala negatif. Hal ini memberi gambaran pentingnya pembentukan sahsiah diri agar dapat mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang melanggar peraturan agama.

Selain itu, R. N. Raja Rahim (2019), berita harian 18 Februari 2019 sebanyak 10,154 kes disiplin di Negeri Sembilan yang membabitkan pelbagai kesalahan pelajar telah direkodkan sepanjang tahun lepas. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Datuk Pkharuddin Ghazali berkata jumlah itu termasuk kesalahan ponteng sekolah mencatat bilangan tertinggi, iaitu 7,709 kes, manakala baki adalah kes disiplin lain seperti tingkah laku kurang sopan, kekemasan diri dan vandalisme. Statistik ini menunjukkan usaha menangani masalah disiplin dalam kalangan pelajar perlu digembleng secara bersepadu oleh semua pihak yang terbabit sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2019), dalam Pelan Pendidikan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2021 pihak kementerian berhasrat, memastikan setiap pelajar mencapai potensi sepenuhnya dalam mempersiapkan setiap pelajar agar berani menghadapi cabaran masa depan. Selain itu juga, dapat menyelesaikan konflik secara aman, membuat keputusan yang wajar dalam situasi kritikal, dan mempunyai keberanian melakukan apa yang betul dan memberi penekanan kepada setiap pelajar agar mempunyai pegangan agama yang kuat dan mengamalkannya sebagai asas hidup serta bertanggungjawab mengambil berat terhadap masalah ummah untuk kesejahteraan negara .

Menurut N. Noruddin et al. (2017) satu program pematapan sahsiah ulul albab bagi pelajar muslim di Terengganu diwujudkan bagi mengatasi masalah sahsiah pelajar yang semakin membimbangkan. Pelajar merupakan aset negara yang amat berharga pada masa depan.

Program tersebut mengenengahkan modul pemantapan sahsiah ulul albab kepada pemahaman terhadap konsep khalifah Allah iaitu tadabbur ayat al-Quran dan tafakkur tanda kejadian ciptaan Allah. Gabungan konsep tersebut mencetuskan rasa taqwa kepada Allah yang mampu membentuk sahsiah terpuji berlandaskan kehendak Islam.

Selain itu, S. Shafie (2017) dalam konsep pendidikan di politeknik pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran kurikulum pengajian Islam adalah sangat perlu ditekankan bagi membantu pembentukan sahsiah berkualiti dalam kalangan pelajar. Pelaksanaan program bimbingan berkonsepkan didikan Islam mampu memberi kesan terhadap kualiti hidup setiap pelajar sama ada dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Pemahaman dan penghayatan nilai Islam yang sebenar mampu melahirkan pelajar yang bersahsiah mulia dan cemerlang dari segi akademik.

Berdasarkan laporan program pembangunan sahsiah diri pelajar (4 Mac 2019), Politeknik Mukah, Sarawak telah mengambil inisiatif dengan mengadakan program pembangunan sahsiah diri pelajar bagi mengatasi masalah sahsiah pelajar yang semakin tinggi. Program tersebut telah dianjurkan pada 2 hingga 3 Mac 2019 dengan tujuan untuk memupuk kesedaran diri tentang pentingnya mempunyai akhlak yang baik seperti menjaga hubungan dengan Allah dan manusia serta alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin juga tidak terlepas daripada masalah sahsiah pelajar yang semakin meningkat. Satu program pemantapan sahsiah telah diadakan secara berkala sepanjang satu semester bagi semua pelajar semester satu sebagai langkah mengatasi masalah sahsiah pelajar. Program ini dijalankan pada setiap minggu pada hari rabu selepas solat Maghrib sehingga masuk waktu solat Isyak. Program lebih berkonsepkan bimbingan usrah dalam kumpulan kecil yang melibatkan fasilitator yang dilantik dalam kalangan pelajar senior yang telah diberi pengisian berkaitan kurikulum khas bimbingan usrah yang merangkumi hal yang berkaitan akidah, ibadah dan akhlak.

Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat persepsi pelajar terhadap program pemantapan sahsiah dan tahap pengetahuan serta amalan asas Islam dalam kalangan pelajar selepas mengikuti program ini. Hal ini sebagai satu usaha mengatasi masalah sahsiah pelajar dan menambahbaik pelaksanaan program yang dapat disesuaikan dengan tahap penerimaan pelajar.

### **Objektif Kajian**

Fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk :

1. Mengenalpasti persepsi pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin terhadap Program Pemantapan Sahsiah
2. Mengenalpasti tahap keberkesanan Program Pemantapan sahsiah dari segi pengetahuan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
3. Mengenalpasti tahap keberkesanan Program Pemantapan sahsiah dari segi amalan asas Islam pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan analisis statistik deskriptif untuk menganalisis tahap persepsi pelajar terhadap Program Pemantapan Sahsiah dan tahap keberkesanan program dari segi pengetahuan serta amalan asas Islam pelajar. Data yang dikumpul dengan menggunakan

ukuran kecenderungan memusat yang melibatkan pengiraan kekerapan, peratusan, purata (min), median dan mod.

### **Tempat Kajian**

Kajian dijalankan di Pusat Islam Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

### **Populasi Dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ialah pelajar semester satu sesi Disember 2018. Bilangan sampel kajian melibatkan populasi seramai 168 pelajar daripada jumlah keseluruhan populasi 495 pelajar muslim semester satu Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Populasi ini terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan daripada semua jabatan. Populasi yang terlibat adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap Program Pemantauan Sahsiah dan tahap keberkesanan program dari segi pengetahuan dan amalan asas Islam. Sampel melibatkan pelajar muslim semester satu daripada enam jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Mekanikal(JKM), Jabatan Kejuruteraan Elektrik(JKE), Jabatan Perdagangan(JP), Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual(JRKV), Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi(JTMK) dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti(JPH).

Kajian ini menggunakan 30 peratus daripada keseluruhan populasi sebagai sampel kajian. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:37) semua ahli dalam kelompok adalah merupakan populasi. Oleh yang demikian, dalam satu populasi yang besar pengkaji mungkin tidak mampu melibatkan setiap individu. Berdasarkan kesukaran tersebut pengkaji boleh melakukan pemilihan sampel secara rawak. Dengan itu perwakilan yang menyeluruh diperlukan supaya gambaran sebenar populasi dapat diperolehi. Oleh kerana jumlah populasi yang sangat besar, pengkaji hanya mengambil 168 pelajar sahaja. Untuk mendapatkan sampel di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah persampelan secara rawak mudah. Pemilihan 168 pelajar daripada keseluruhan pelajar Islam semester satu. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar(1999:38), jumlah 30% sampel sudah mencukupi mampu mewakili populasi.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:40), instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis pengkaji. Instrumen ini mengandungi 3 bahagian iaitu:

- Bahagian A: Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap Program Pemantapan Sahsiah,
- Bahagian B: Mengenalpasti tahap keberkesanan Program Pemantapan Sahsiah dari segi pengetahuan pelajar
- Bahagian C: Mengenalpasti tahap keberkesanan Program Pemantapan Sahsiah dari segi amalan asas Islam pelajar

Penggunaan skala likert iaitu pelajar dikehendaki untuk menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohamad Najib Abdul Ghafar,1999:98) Dalam bahagian ini, pelajar dikehendaki menanda jawapan berdasarkan skala dalam jadual 1:

**Jadual 1** Pengkelasan skala likert

	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
skor	1	2	3	4	5

**DAPATAN KAJIAN**

**Bahagian A: Analisis Data Mengenai Persepsi Pelajar Terhadap Program Pemantapan Sahsiah**

Bahagian ini membentangkan analisis deskriptif iaitu persepsi pelajar terhadap Program Pemantapan Sahsiah di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dari segi kesediaan minat dan kesediaan tentang kaedah pelaksanaan program. Bagi persepsi pelajar dari segi kesediaan minat terdapat 5 soalan dikemukakan dalam bahagian ini.

**Jadual 1** menunjukkan kesediaan pelajar dari segi minat terhadap Program Pemantapan Sahsiah di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Saya berminat mengikuti program pemantapan sahsiah yang diadakan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin	0%	0%	7.1%	50%	42.9%	4.36	0.61	Tinggi
2.	Saya berminat dengan tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam program pemantapan sahsiah	0%	0.6%	4.8%	48.2%	46.4%	4.40	0.61	Tinggi
3.	Program pemantapan sahsiah ini mampu membimbing saya menjadi seorang muslim yang sejati	0%	0%	3%	42.9%	54.2%	4.51	0.56	Tinggi
4.	Program pemantapan sahsiah ini dapat mengeratkan ukhuwah persaudaraan dalam kalangan pelajar	0%	0%	4.8%	38.7%	56.5%	4.52	0.59	Tinggi
5.	Saya berazam akan mengikuti semua program pemantapan sahsiah pada setiap minggu sepanjang satu semester ini	0%	0%	9.5%	50%	40.5%	4.31	0.64	Tinggi
Min purata keseluruhan							4.42	0.60	Tinggi

**Petunjuk:** 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual 1 di atas hasil analisis data tahap persepsi pelajar dari segi kesediaan minat pelajar terhadap Program Pemantapan Sahsiah menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.42. Item 1-5 menunjukkan tahap persepsi pelajar untuk mengikuti program pemantapan sahsiah adalah sangat baik. Bagi item 1, mereka menunjukkan minat untuk mengikuti program yang dijalankan dengan nilai min 4.36 iaitu dengan peratus sangat setuju dan setuju adalah berjumlah 92.9% manakala sedikit sahaja yang kurang setuju iaitu sebanyak 7.1%

Selain itu, bagi item 2 pelajar menunjukkan minat dengan tajuk yang dibincangkan dalam program tersebut dengan min 4.40 yang mana merupakan tajuk asas dari segi akidah, ibadah dan akhlak yang sangat perlu dikuasai oleh setiap muslim. Bagi item 3 berkaitan andaian program mampu membimbing pelajar menjadi muslim sejati dengan mencapai nilai min sebanyak 4.51. Hal ini menunjukkan kebiasaan yang berlaku sekiranya seseorang mendapat bimbingan dalam kumpulan yang kecil pasti akan mampu mengubah diri seseorang kepada nilai

hidup yang lebih baik. Menurut M. S. Mat Jusoh (2015), dalam kajiannya mendapati konteks tarbiah dan pelaksanaan program yang dirancang adalah sebagai makanan rohani bagi merealisasikan objektif dalam membentuk sahsiah pelajar yang baik.

Manakala bagi item 4 dan 5 masing-masing mencapai nilai min 4.52 dan 4.31 yang mana program ini mampu mengeratkan hubungan ukhwah persaudaraan dalam kalangan pelajar dan pelajar juga berazam akan mengikuti program ini sepanjang satu semester dengan jayanya. Hal ini menunjukkan tahap kesediaan pelajar yang sangat tinggi untuk menyertai program pemantapan sahsiah walaupun ada sebilangan kecil yang kurang setuju mungkin disebabkan masih lagi terikut-ikut dengan budaya kebiasaan hidup sebelum ini yang kurang mengikuti program bimbingan. M. K. Shaie, M. K. Othman (2016), Pelajar hendaklah berusaha menambah ilmu berkenaan Islam dengan menghadiri program-program kerohanian yang dijalankan oleh pihak politeknik yang boleh meningkatkan pengetahuan dan pengamalan ajaran Islam mereka.

Menurut H. Darmadi (2017), minat merupakan sifat yang relatif yang terdapat dalam diri seseorang. Minat ini besar pengaruhnya pada seseorang kerana dia akan melakukan sesuatu berdasarkan minatnya. Sebaliknya sekiranya seseorang tidak berminat mungkin dia tidak akan melakukannya. Orang yang berminat sesuatu akan berusaha keras untuk mendapatkannya. Bahagian seterusnya adalah membentangkan analisis deskriptif iaitu persepsi pelajar dari segi kaedah pelaksanaan Program Pemantapan Sahsia. Terdapat 6 soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini.

**Jadual 2** menunjukkan kesediaan pelajar dari segi pelaksanaan Program Pemantapan Sahsia

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Saya suka pelaksanaan program pemantapan sahsiah yang berkonsepkan Usrah begini	0%	0%	5.4%	53%	41.7%	4.36	0.58	Tinggi
2.	Saya suka dengan bimbingan fasilitator yang dilantik dalam program ini	0%	0%	4.2%	45.2%	50.6%	4.46	0.57	Tinggi
3.	Saya dapat bersoal jawab dengan fasilitator dengan lebih mudah	0%	0%	4.8%	47%	48.2%	4.43	0.58	Tinggi
4.	Saya setuju program pemantapan sahsiah ini sesuai diadakan di Pusat Islam	0%	0%	3.6%	44%	52.4%	4.49	0.57	Tinggi
5.	Saya setuju masa pelaksanaan program pemantapan sahsiah diadakan antara solat maghrib dan solat isyak	0%	0%	4.8%	43.5%	51.8%	4.47	0.59	Tinggi
6.	Proses penilaian program pemantapan sahsiah ini sesuai untuk memotivasikan pelajar agar bersungguh memahami tajuk yang dibincangkan	0%	0%	4.8%	45.8%	49.4%	4.45	0.59	Tinggi
Min Keseluruhan							4.44	0.58	Tinggi

**Petunjuk:** 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual 2 di atas, hasil analisis data tahap persepsi pelajar dari segi kesediaan kaedah pelaksanaan Program Pemantapan Sahsia bagi item 1 sebanyak 41.7% dan 53% sangat bersetuju dan bersetuju dengan konsep usrah dalam program ini manakala 5.4% kurang bersetuju. Selain itu, bagi item 2 dan 3 iaitu berminat dengan bimbingan fasilitator yang dilantik dalam program ini dan lebih mudah dapat bersoal jawab bersama fasilitator mencapai min yang tinggi sebanyak 4.46 dan 4.43. Hal ini menunjukkan penerimaan pelajar terhadap kaedah Program Pemantapan Sahsia sangat tinggi dari segi peranan fasilitator.

N. Azman, (2011), fasilitator berperanan sebagai pembantu kepada pelajar dalam menyampaikan maklumat dan penyokong kuat serta maklum balas berguna kepada pelajar.

Fasilitator mestilah mahir dalam sesuatu subjek dan menunjukkan sokongan ikhlas serta respon positif terhadap keperluan pelajar. Justeru, fasilitator yang efektif tidak hanya bertindak sebagai sumber rujukan tetapi lebih kepada seorang pemudahcara yang mempunyai kemahiran berkomunikasi dan dapat membantu pelajar menghuraikan persoalan dan kekeliruan dalam setiap sesi soal jawab. Selain itu, bagi item 4 pelajar bersetuju Program Pemantapan Sahsiah sesuai diadakan di Pusat Islam Politeknik dengan nilai min 4.49 manakala bagi item 5 dari segi masa pelaksanaan program diadakan antara solat maghrib dan isyak pula mencapai nilai min sebanyak 4.47. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar selesa dengan tempat pelaksanaan program dan kelapangan masa yang ada antara maghrib dan isyak.

Bagi item 6 majoriti pelajar bersetuju proses penilaian yang dilakukan dalam Program Pemantapan Sahsiah adalah sesuai untuk memotivasikan pelajar agar bersungguh-sungguh memahami topik yang dibincangkan dengan nilai min sebanyak 4.45. Secara keseluruhan nilai purata min bagi kesediaan pelajar terhadap kaedah pelaksanaan Program Pemantapan Sahsiah berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.44. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesediaan fizikal dan mental untuk mengikuti program pemantapan sahsiah. Menurut M. S. Ahmad Zainal Madon (2006), pelajar yang mempunyai kesedaran terhadap betapa pentingnya pelajaran dan kegunaannya pada masa akan datang dapat menjamin kesejahteraan hidup. Kesedaran tentang keutamaan yang diberikan kepada pelajaran adalah merupakan salah satu punca dimana pelajar memperoleh semangat dalam mencapai kejayaan.

#### **Bahagian B Dan C:**

#### **Analisis Data Mengenai Tahap Pengetahuan Dan Amalan Asas Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.**

Bahagian ini membentangkan analisis deskriptif iaitu analisis tahap pengetahuan dan amalan asas Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Sebanyak 42 soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini.

Persepsi Pelajar Terhadap Program Pematapan Sahsiyah Dan Tahap Pengetahuan Serta Amalan Asas Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

**Jadual 3** menunjukkan tahap pengetahuan dan amalan asas Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin sebelum mengikuti program pematapan sahsiah.

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Tahu lafaz kalimah syahadah	0%	0%	2.4%	60.1%	37.5%	4.35	0.53	Tinggi
2.	Boleh melafazkan syahadah dengan betul	0%	0%	4.8%	69.6%	25.6%	4.21	0.51	Tinggi
3.	Faham maksud syahadah	0%	0.6%	6.0%	67.9%	25.6%	4.18	0.55	Tinggi
4.	Boleh membaca surah al-fatihah	0%	0%	3.6%	70.8%	25.6%	4.22	0.49	Tinggi
5.	Tahu pengertian ayat surah al-fatihah	0%	3.6%	46.4%	43.5%	6.5%	3.53	0.67	Tinggi
6.	Tahu pembahagian hadas dalam Islam	0%	3.6%	20.8%	68.5%	7.1%	3.79	0.62	Tinggi
7.	Tahu hadas besar	0%	0.6%	13.1%	76.2%	10.1%	3.96	0.51	Tinggi
8.	Tahu hadas kecil	0%	0%	12.5%	75.6%	11.9%	3.99	0.49	Tinggi
9.	Tahu cara menyucikan hadas besar	0%	1.2%	18.5%	67.3%	13.1%	3.92	0.59	Tinggi
10.	Tahu cara menyucikan hadas kecil	0%	1.2%	17.9%	67.3%	13.7%	3.93	0.61	Tinggi
11.	Tahu cara mandi wajib	0%	0%	10.1%	76.8%	13.1%	4.03	0.48	Tinggi
12.	Tahu wuduk dengan betul	0%	0%	7.1%	78%	14.9%	4.08	0.46	Tinggi
13.	Tahu wuduk dengan air yang sedikit (air mineral botol kecil)	0%	6.6%	39.3%	48.8%	5.6%	3.42	0.73	Sederhana
14.	Tahu sebab dibolehkan tayammum	0%	4.8%	22.6%	66.7%	6.0%	3.72	0.64	Tinggi
15.	Tahu cara untuk tayammum	0.6%	4.8%	33.3%	56.5%	4.8%	3.60	0.68	Sederhana
16.	Tahu ada kemudahan solat jamak dan qasar dalam Islam	0%	1.8%	17.9%	71.4%	8.9%	3.88	0.57	Tinggi
17.	Tahu melaksanakan solat jamak dan qasar	0%	3.6%	32.7%	60.1%	3.6%	3.64	0.61	Sederhana
18.	Pernah melaksanakan solat jamak dan qasar	1.8%	3%	32.7%	56.5%	6%	3.62	0.72	Sederhana
19.	Tahu kedudukan sof solat berjemaah	0%	2.4%	18.5%	65.5%	13.7%	3.90	0.64	Tinggi
20.	Tahu solat berjemaah masbuk	1.8%	10.7%	36.3%	47%	4.2%	3.41	0.81	Sederhana
21.	Tahu solat berjemaah muwafik	1.8%	13.1%	44%	39.3%	1.8%	3.26	0.78	Sederhana
22.	Pernah solat berjemaah masbuk	2.4%	14.9%	43.5%	37.5%	1.8%	3.21	0.81	Sederhana
23.	Pernah solat berjemaah muwafik	2.4%	16.1%	47%	32.1%	2.4%	3.16	0.70	Sederhana
24.	Tahu ada kemudahan solat ketika sakit	1.2%	1.8%	13.7%	65.5%	17.9%	3.97	0.70	Tinggi
25.	Pernah solat baring	23.8%	32.1%	27.4%	13.7%	3%	2.40	1.08	Sederhana
26.	Pernah solat duduk	14.9%	22.6%	36.9%	22.0%	3.6%	2.77	1.06	Sederhana
27.	Tahu ada kemudahan solat dalam kenderaan	7.7%	13.7%	34.5%	38.1%	6%	3.21	1.01	Sederhana
28.	Tahu pembahagian najis	0.6%	3.6%	27.4%	61.3%	7.1%	3.71	0.67	Tinggi
29.	Tahu cara menyucikan najis mughlazah	0.6%	4.8%	36.9%	53.6%	4.2%	3.56	0.68	Sederhana
30.	Tahu cara menyucikan najis mukhafafah	0.6%	6%	38.1%	51.8%	3.6%	3.52	0.69	Sederhana
31.	Tahu cara menyucikan najis mutawasitah	0.6%	5.4%	28.6%	59.5%	6%	3.65	0.70	Sederhana
32.	Tahu adab berpakaian dalam Islam	0%	0%	4.8%	78%	17.3%	4.12	0.45	Tinggi
33.	Tahu had aurat seorang lelaki	0%	0%	6%	76.2%	17.9%	4.12	0.47	Tinggi
34.	Tahu had aurat seorang perempuan	0%	0%	5.4	76.2%	18.5%	4.13	0.47	Tinggi
35.	Seorang yang menjaga aurat	0%	2.4%	41.7%	49.4%	6.5%	3.60	0.65	Sederhana
36.	Tahu adab dengan Allah dalam solat	0%	0%	4.8%	78.6%	16.7%	4.12	0.45	Tinggi
37.	Tahu adab dengan ibubapa	0%	0%	3%	79.2%	17.9%	4.15	0.43	Tinggi
38.	Selalu menjaga adab dengan ibubapa	0%	0%	4.8%	78.6%	16.7%	4.12	0.45	Tinggi
39.	Tahu adab dengan guru	0%	0%	2.4%	82.1%	15.5%	4.13	0.40	Tinggi
40.	Selalu menjaga adab dengan guru	0%	0%	8.9%	78.6%	12.5%	4.04	0.46	Tinggi
41.	Tahu adab dengan rakan	0%	0%	5.4%	84.5%	10.1%	4.05	0.39	Tinggi
42.	Selalu menjaga adab dengan rakan	0%	0%	12.5%	79.2%	8.3%	3.96	0.46	Tinggi
Min Keseluruhan							3.77	0.61	Tinggi

**Petunjuk:** 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)



Berdasarkan jadual 3 di atas hasil analisis data terhadap tahap pengetahuan dan amalan asas Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin sebelum pengikuti program pementapan sahsiah adalah berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min 3.77 yang merangkumi tiga aspek penting iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Secara keseluruhan bagi semua item masih terdapat skor yang ditanda dengan kurang setuju dan tidak setuju.

Bagi item 1 hingga 3 adalah berkaitan akidah yang menekankan hal berkaitan lafaz syahadah yang mana nilai minnya adalah 4.35, 4.21 dan 4.18. Bahagian ini mencapai tahap pengetahuan yang tinggi kerana majoriti pelajar tahu dan faham berkaitan syahadah dalam Islam sejak dari sekolah menengah lagi. Pengetahuan asas dalam Islam ini masih segar dalam ingatan kerana perkara asas ini merupakan perkara pokok dalam Islam yang sentiasa ditekankan kepada pelajar

Selain itu, bahagian ibadah pula melibatkan item 4 hinggalah item 31 yang berkaitan bacaan dalam solat, solat jamak qasar, solat berjemaah, cara menyucikan najis yang mana terdapat sebanyak 14 item yang mendapat skor yang sederhana iaitu antara min yang paling rendah 2.40 sehingga kepada min 3.65. Hal ini menunjukkan masih ada lagi pelajar yang kurang pengetahuan dan kefahaman tentang perkara asas dalam Islam yang seterusnya merupakan penyebab kepada kurangnya amalan asas Islam dalam kalangan pelajar.

Bagi item yang berkaitan akhlak pula, terdapat satu item yang mendapat skor sederhana iaitu berkaitan menjaga aurat dalam adab bergaul dengan min 3.60. Selain itu, bagi item berkaitan adab dengan Allah, ibubapa, guru dan rakan masih lagi terdapat nilai kurang setuju yang masing-masing antara 12.5% sehingga 3% yang mana item ini sepatutnya tidak perlu ada dalam diri pelajar kerana ia merupakan perkara asas yang perlu dijauhkan dalam diri masing-masing. Sebagai pelajar yang berakhlak mulia nilai adab ini sangat perlu dititikberatkan kerana ia mampu mempengaruhi tingkahlaku pelajar lain.

Menurut M. S. Ibrahim (2014) Peratusan salah laku disiplin pelajar politeknik semakin meningkat dari tahun ke setahun. Justeru itu langkah pencegahan perlu dilakukan agar masalah ini tidak menjadi semakin serius yang boleh menjejaskan kecemerlangan pelajar itu sendiri. Pelbagai program yang bersifat kerohanian dan membina sahsiah pelajar perlu diperbanyakkan agar mampu mewujudkan budaya hidup yang lebih baik. Siti Mariam Samat (2002) Sikap sebahagian pihak pentadbiran institusi pendidikan dan juga pengajar yang hanya mementingkan kepada kecemerlangan akademik semata-mata haruslah diperbetulkan di mana aspek pembangunan insan dan penerapan nilai harus diberikan perhatian yang menyeluruh bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dan bersahsiah tinggi.

Persepsi Pelajar Terhadap Program Pematapan Sahsiah Dan Tahap Pengetahuan Serta Amalan Asas Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

**Jadual 4** menunjukkan tahap pengetahuan dan amalan asas Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin selepas mengikuti program pematapan sahsiah

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Tahu lafaz kalimah syahadah	0%	0%	0%	17.9%	82.1%	4.82	0.38	Tinggi
2.	Boleh melafazkan syahadah dengan betul	0%	0%	2.4%	16.7%	81%	4.79	0.47	Tinggi
3.	Faham maksud syahadah	0%	0%	2.4%	23.8%	73.8%	4.71	0.50	Tinggi
4.	Boleh membaca surah al-fatihah	0%	0%	1.2%	16.7%	82.1%	4.81	0.42	Tinggi
5.	Tahu pengertian ayat surah al-fatihah	0%	0%	4.2%	22%	73.8%	4.70	0.55	Tinggi
6.	Tahu pembahagian hadas dalam Islam	0%	0%	5.4%	29.2%	65.5%	4.60	0.59	Tinggi
7.	Tahu hadas besar	0%	0%	2.4%	23.2%	74.4%	4.72	0.50	Tinggi
8.	Tahu hadas kecil	0%	0%	2.4%	23.2%	74.4%	4.72	0.54	Tinggi
9.	Tahu cara menyucikan hadas besar	0%	0%	3.6%	25%	71.4%	4.68	0.53	Tinggi
10.	Tahu cara menyucikan hadas kecil	0%	0%	3.6%	22%	74.4%	4.71	0.54	Tinggi
11.	Tahu cara mandi wajib	0%	0%	3.6%	23.8%	72.6%	4.69	0.56	Tinggi
12.	Tahu wuduk dengan betul	0%	0%	4.2%	25.6%	70.2%	4.66	0.63	Tinggi
13.	Tahu wuduk dengan air yang sedikit (air mineral botol kecil)	0%	0%	7.1%	33.3%	59.5%	4.52	0.55	Tinggi
14.	Tahu sebab dibolehkan tayammum	0%	0%	3%	32.1%	64.9%	4.62	0.55	Tinggi
15.	Tahu cara untuk tayammum	0%	0%	3.6%	28.6%	67.9%	4.64	0.63	Tinggi
16.	Tahu ada kemudahan solat jamak dan qasar dalam Islam	0%	0%	7.1%	32.1%	60.7%	4.54	0.68	Tinggi
17.	Tahu melaksanakan solat jamak dan qasar	0%	0.6%	8.9%	35.7%	54.8%	4.45	0.69	Tinggi
18.	Pernah melaksanakan solat jamak dan qasar	0%	0.6%	10.1%	35.1%	54.2%	4.43	0.58	Tinggi
19.	Tahu kedudukan sof solat berjemaah	0%	0%	4.2%	35.1%	60.1%	4.57	0.51	Tinggi
20.	Tahu solat berjemaah masbuk	0%	0.6	11.9%	38.7%	48.8%	4.36	0.70	Tinggi

21. Tahu solat berjemaah muwafik	0%	1.8%	12.5%	38.7%	47.0%	4.31	0.75	Tinggi
22. Pernah solat berjemaah masbuk	0%	2.4%	13.7%	41.7%	42.3%	4.24	0.77	Tinggi
23. Pernah solat berjemaah muwafik	0%	3.6%	19.6%	39.9%	36.9%	4.10	0.84	Tinggi
24. Tahu ada kemudahan solat ketika sakit	0%	0%	4.2%	31%	64.9%	4.61	0.57	Tinggi
25. Pernah solat baring	31.5%	29.8%	25.6%	8.9%	4.2%	2.45	1.11	Sederhana
26. Pernah solat duduk	18.5%	19.6%	33.3%	20.2%	8.3%	2.80	1.20	Sederhana
27. Tahu ada kemudahan solat dalam kenderaan	0%	1.2%	10.7%	33.3%	54.8%	4.42	0.73	Tinggi
28. Tahu pembahagian najis	0	0.6%	6.5%	31%	61.9%	4.52	0.65	Tinggi
29. Tahu cara menyucikan najis mughlazah	0%	0.6%	8.3%	32.7%	58.3%	4.49	0.67	Tinggi
30. Tahu cara menyucikan najis mukhafafah	0%	1.2%	7.7%	31.5%	59.5%	4.49	0.69	Tinggi
31. Tahu cara menyucikan najis mutawasitah	0%	1.2%	7.7%	29.2%	61.9%	4.52	0.69	Tinggi
32. Tahu adab berpakaian dalam Islam	0%	0%	1.2%	25.6%	73.2%	4.72	0.48	Tinggi
33. Tahu had aurat seorang lelaki	0%	0%	1.8%	26.2%	72%	4.70	0.49	Tinggi
34. Tahu had aurat seorang perempuan	0%	0%	1.8%	26.2%	72%	4.70	0.49	Tinggi
35. Seorang yang menjaga aurat	0%	0.6%	12.5%	33.3%	53.6%	4.40	0.73	Tinggi
36. Tahu adab dengan Allah dalam solat	0%	0%	3.6%	21.4%	75%	4.71	0.53	Tinggi
37. Tahu adab dengan ibubapa	0%	0%	1.8%	22%	76.2%	4.74	0.48	Tinggi
38. Selalu menjaga adab dengan ibubapa	0%	0%	3%	22%	75%	4.72	0.51	Tinggi
39. Tahu adab dengan guru	0%	0%	1.2%	24.4%	74.4%	4.73	0.47	Tinggi
40. Selalu menjaga adab dengan guru	0%	0%	2.4%	26.8%	70.8%	4.68	0.52	Tinggi
41. Tahu adab dengan rakan	0%	0%	0.6%	27.4%	72%	4.71	0.46	Tinggi
42. Selalu menjaga adab dengan rakan	0%	0%	4.3%	26.8%	68.5%	4.64	0.57	Tinggi
Min Keseluruhan						4.50	0.57	Tinggi

**Petunjuk:** 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual 4 di atas hasil analisis data terhadap tahap pengetahuan dan amalan asas Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin selepas pengikuti program pemantapan sahsiah adalah berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min 4.50 yang merangkumi tiga aspek penting iaitu akidah, ibadah dan akhlak.

Secara keseluruhan nilai min semua item meningkat daripada 15 item yang mendapat skor sederhana sebelum program kepada hanya 2 item yang masih kekal selepas program dengan mendapat skor sederhana iaitu bagi item pernah solat baring dan duduk yang mana terdapat peningkatan juga dari segi peratus dalam pelaksanaannya kepada 2.45 dan 2.80. Hal ini adalah kerana pelaksanaan solat baring dan duduk adalah bergantung kepada keadaan kesihatan seseorang yang menyebabkan kemudahan pelaksanaan solat ketika uzur ini diharuskan.

Sehubungan itu, hasil kajian mendapati program pemantapan sahsiah ini mampu memberi perubahan pada tahap pengetahuan dan amalan asas Islam dalam kalangan pelajar kepada yang lebih baik. Selain itu, A. Mat Saad, (2010) berpendapat bahawa subjek pendidikan islam di politeknik dapat menjadikan pelajar bersahsiah dengan sahsiah muslim dan menurut M. H. Kamaruddin (2006) Program Pembangunan sahsiah pelajar memainkan peranan yang penting bagi mengatasi masalah gejala sosial yang kian menular masa kini.

## RUMUSAN KAJIAN

Dapatan kajian mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Pemantauan Sahsia dari segi kesediaan minat dan kaedah pelaksanaan program adalah sangat positif manakala tahap pengetahuan serta amalan asas Islam masih boleh dipertingkatkan lagi walaupun telah mencapai tahap yang tinggi secara puratanya sebelum menyertai program. Terdapat beberapa aspek dari segi ibadah yang mencapai tahap sederhana sebelum mengikuti program pemantauan sahsiah telah meningkat tahapnya kepada tinggi selepas mengikuti program ini. Pelajar dapat memahami dengan lebih jelas tentang konsep dan pelaksanaan ibadah dengan tatacara yang betul dan sempurna.

Selain itu, berlaku peningkatan dari segi adab penjagaan aurat selepas mengikuti program pemantapan sahsiah dengan mencapai tahap yang tinggi berbanding sebelumnya. Hal ini menunjukkan bahawa pihak politeknik perlu mempelbagaikan lagi program pembinaan sahsiah pelajar dari segi ilmu pendidikan Islam selaras dengan tuntutan agama agar mampu mencapai hasrat politeknik bagi melahirkan tenaga kerja mahir separa profesional yang cemerlang akademik dan sahsiahnya. H. Ibrahim (2017) Hala Tuju Transformasi Politeknik bertujuan menyediakan politeknik agar bersedia menghadapi pelbagai senario dan cabaran masa hadapan di samping menghasilkan modal insan terbaik yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan menepati kehendak pasaran

Penekanan dalam mempraktikkan ajaran agama dari segi pengetahuan dan amalan asas Islam mampu menjadi perisai kepada pelajar untuk tidak terlibat dengan gejala sosial negatif yang boleh menghancurkan masa depan mereka. Secara keseluruhannya, pembangunan sahsiah pelajar memainkan peranan yang penting bagi mengatasi masalah gejala sosial yang kian menular ini.

## PENUTUP

Memandangkan persepsi pelajar terhadap Program Pemantapan Sahsia adalah tinggi dan pelajar menunjukkan peningkatan tahap pengetahuan dan amalan asas Islam yang sangat baik maka menjadi satu keperluan untuk diteruskan lagi Program Pemantapan Sahsia ini. Kajian ini mampu menjadi pengukur kepada penambahbaikan dari segi pelaksanaan program dan kepelbagaian topik dalam kurikulum usrah agar pelajar mampu menambahbaik ilmu pengetahuan dan amalan dalam melaksanakan perintah Allah. Selain itu, kajian ini juga sebagai satu usaha bagi menyelesaikan masalah sahsiah pelajar yang semakin membimbangkan semua pihak. Justeru itu, Jabatan pengurusan politeknik perlu mengalakkan dan menyokong program yang sebegini yang mampu membina sahsiah pelajar agar politeknik mampu melahirkan pelajar yang berkualiti dan bersahsia mulia.

## RUJUKAN

Al-Qurannulkarim

A. Mat Saad, *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Asas Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. tesis doctor falsafah ukm (2010)

Dato' Seri dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, *Teks Ucapan perasmian Dan Ucapan tama YAB, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat sempena seminar Stop (Sekeluarga Tolak Pornografi)* Julai (2018)

F. Che Husain, K.H. Mohd Jodi, Z. M, F.A. Abdul Kadir, *Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajian Kursus Titas di Universiti Malaya*, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah *Special Issue* (2018)

- H. Darmadi, *Pengembangan Model dan Metode Pembelajaran Dalam Dinamika Belajar Siswa*, ISBN 978-602-401-939-6 Deepublish (2017)
- H. Ibrahim, *Penilaian Kurikulum Pengurusan Dalam Islam Terhadap Keperluan Pelajar Diploma Kewangan Dan Perbankan Islam*, Politeknik METrO Johor Bahru, Seminar Serantau 2017/09/92 (2017)
- KPM. *Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025* (2019)
- M. K. Shaie, M. K. Othman, *Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah*, Proceeding Of ICECRS, 1(2016)663-676, ISBN:2548-6160, International Seminar On Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 Oktober 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. (2016)
- M. N. Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*, Cetakan keempat 2003, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor Darul Ta'zim (1999)
- M. S. Ibrahim, R. Abdul Jalil, M. Suri Saringat *Kajian Kecenderungan Pelanggaran Disiplin Di Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau* (2014)
- M. S. Ahmad Zainal Madon, *Tip Pandai Belajar*, Cetakan Keempat, PTS Millennia, Wangsa Maju, Kuala Lumpur (2006)
- M. H. Kamaruddin (2006), *Pembangunan Sahsiah Pelajar Dan Peranannya Dalam Pencegahan Masalah Gejala Sosial: Satu Kajian Di Kolej 10 Utm.*
- M. S. Mat Jusoh, *Pelaksanaan Program Tarbiah Dalam Kalangan Pelajar Asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Smka) Pulau Pinang*, USM, Mac (2015)
- N. A. Abdullah, R. Embong, A. Yaacob, *Pembinaan Modul Pemantapan sahsiah Ulul Albab Bagi Pelajar Islam*, BITARA, e-ISBN: 2600-9080, (2018)
- N. Azman, *Panduan Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan: Pembelajaran Dewasa, Kendiri. UKM*, (2011)
- N. Noruddin, N. A. Abdullah, N. D. Adnan., M. N. Mohd Noor, N. M, N. Nik Din. R. Embong. *Program Pemantapan Sahsiah Ulul Albab Bagi Pelajar Muslim Di Terengganu*, Proceedings, International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society 2017, Islac 20174-5 March 2017, ISBN:978-967-059357-2 (2017)
- Politeknik Mukah, Sarawak, *Laporan program pembangunan sahsiah diri pelajar* (4 mac 2019)
- R. N. Raja Rahim, *berita harian*, 18 Februari 2019, 3.01 pm <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/02/532222/10154-kes-disiplin-babit-pelajar-tahun-lalu> (2019)
- S. Ahmad Sabri, H. F. Rosli, N. A. Zakaria, A. F. Mohamad Suhaimi *Peranan Program Mentoring Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar* Proceeding Of The 3rd international Conference On Management & Muamalah 2016 (3rdicom) 31st october - 1st november 2016, 978-967-0850-61-0356 (2016)
- S, Shafie., Ying-Leh Ling, *Pembentukan sahsiah berkualiti melalui penghayatan kurikulum pengajian Islam: Satu kajian korelasi di politeknik. JPA&JMSK politeknik kuching sarawak.* (2017),
- S. A. Basmeih, Disemak dan disahkan oleh Sahibul Fadhilah Datuk Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 JUZ)*, Darul Fikir SDN. BHD.
- Siti Mariam Binti Samat, *Tahap Pengawalan Pihak Pengurusan Politeknik Dalam Mengurangkan Gejala Sosial Di Kalangan Pelajar*, UTM (2006)

